

28/04/1997

Tunggu keputusan MT: Razaleigh

Dzulkfley Zanudin

IPOH, Ahad - Semua bekas ahli Parti Melayu Semangat 46 (S46) yang dibubarkan, Oktober lalu, diminta bersabar menunggu keputusan Majlis Tertinggi (MT) Umno mengesahkan penempatan mereka di cawangan sedia ada.

Bekas Presiden S46, Tengku Razaleigh Hamzah, berkata kelewatan itu dipercayai berpunca daripada masalah teknikal, termasuk pertindihan maklumat atau borang tidak lengkap sehingga perlu disemak semula.

Menurutnya, kebanyakan kejadian itu berlaku di Kelantan dan berikutan itu beliau menyerahkan kepada pucuk pimpinan Umno untuk segera menyelesaikan isu itu.

"MT sudah buat keputusan kita tak boleh teruskan keahlian dalam cawangan baru. Untuk ditempatkan semula, dia (bekas ahli S46) kena tunggulah.

"Tinggal lagi mereka risaulah. Saya nasihatkan mereka bersabar sebab jika MT sudah meluluskan permohonan menjadi ahli, mereka tetap jadi ahli," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis perkahwinan anak Ketua Umno Bahagian Batu Gajah, Mohd Yusoff Kassim, di Tanjung Tualang, hari ini.

Beliau mengulas laporan mengenai masih ramai bekas ahli S46 belum ditempatkan ke cawangan Umno sedia ada menyebabkan sesetengahnya mengancam untuk menyertai parti pembangkang, termasuk Pas.

Khamis lalu, kira-kira 4,000 ahli Umno Bahagian Bachok yang berada dalam kategori 'sementara' mengancam melompat menyertai Pas jika tidak diserapkan ke sebarang cawangan Umno kawasan itu dalam tempoh terdekat ini.

Bekas Naib Ketua Pemuda S46 Kelantan, Zulkifli Zakaria, berkata mereka adalah bekas ahli S46 yang menyertai Umno secara en bloc, Oktober lalu, tetapi sehingga kini belum diletakkan di mana-mana cawangan Umno.

Menurut Tengku Razaleigh, beliau turut menghadapi masalah yang sama dan kelulusan permohonannya menjadi ahli biasa cawangan Bandar Hilir dalam bahagian Gua Musang baru diterima, minggu ini.

"Saya tak tahu apa yang berlaku di peringkat bawah, tetapi saya berpegang kepada apa yang dipersetujui antara Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan saya dulu serta keputusan MT Umno, iaitu dia orang semua (bekas ahli S46) telah diterima (sebagai ahli Umno) dan cuma nak ditempatkan saja," katanya.

Katanya, pihaknya menghantar hampir 200,000 borang permohonan keahlian Umno, selain permohonan terus cawangan kepada MT kerana Perlembagaan Umno menetapkan hanya MT boleh melulus permohonan bekas ahli parti pembangkang.

Menurutnya, berdasarkan jumlah yang diluluskan MT, antara 30 dan 40 peratus saja ahli bekas S46 ditempatkan di cawangan Umno sedia ada manakala selebihnya menghadapi masalah teknikal.

Ditanya sama ada pihaknya akan berusaha memudah atau mempercepatkan proses itu, Tengku Razaleigh berkata, beliau tidak mahu campur, sebaliknya menyerahkan kepada Umno, terutama berdasarkan janji Dr Mahathir dulu menerima semua bekas ahli S46 terbabit dalam Umno.

Beliau juga berkata, tiada sesiapa yang boleh menyekat bekas ahli S46 menyertai parti lain berikutan masalah itu kerana itu hak mereka.

"Saya pegang pada persetujuan awal. Bekas ahli S46 bersetuju semua sekali masuk Umno. Tapi kalau lambat, kena bersabar, saya pun lambat juga," katanya.

Malah, katanya, beliau tidak dipanggil menyertai mesyuarat cawangannya, baru-baru ini, padahal tindakan itu tidak mengikut perlembagaan parti

kerana setiap ahli perlu diberitahu mengenai mesyuarat itu.

Ditanya sama ada beliau akan mengadu kepada pucuk pimpinan parti atau MT mengenai perkara itu, Tengku Razaleigh berkata:

"Saya pemimpin kecil ... Saya tak tahu ... Ini soal teknikal barangkali ... Kita cuba rujuk kepada ibu pejabat (Umno), biar dia orang (parti) tengok."

(END)